

**Pengiktirafan IMF jadi bukti kejayaan formula Malaysia  
Utusan Online  
02 May, 2013**

KUALA LUMPUR 1 Mei - Tokoh ekonomi negara, Tan Sri Ramon Navaratnam menyatakan laporan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) yang meletakkan Malaysia, selain China di kedudukan tertinggi di Asia membuktikan kejayaan formula kerajaan membangunkan ekonomi negara.

Beliau berkata, pengiktirafan itu menjadi bukti gambaran sebenar ekonomi negara yang dijana melalui kekuatan permintaan domestik yang kukuh, walaupun ketika ekonomi global masih tidak menentu.

Jelasnya, pembabitan aktif kerajaan dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara melalui beberapa projek prasarana dan proses liberalisasi, membuatkan IMF mengiktiraf prestasi institusi tempatan.

Definasi kekuatan institusi tempatan oleh IMF bermaksud kestabilan politik, keupayaan birokrasi yang baik, kurangnya konflik dan rasuah dalam sesebuah negara.

"Kemampuan kerajaan lebih baik berbanding negara-negara membangun yang lain. Hal itu diiktiraf di peringkat antarabangsa," katanya.

Selain itu, katanya, Malaysia tidak perlu lagi dibandingkan dengan negara-negara seperti India atau Indonesia, sebaliknya meletakkan saingan dengan negara-negara seperti Taiwan, Singapura dan Korea Selatan.

"Apa pun, kerajaan tidak perlu berpuas hati dengan laporan tersebut kerana banyak lagi perlu dilaksanakan untuk meningkatkan hasil negara," katanya.

Beliau berkata, langkah meningkatkan hasil itu boleh dilaksanakan melalui pengurangan subsidi atau pelaksanaan sistem cukai baharu.

Sementara itu, Penganalisis ekonomi, Prof. Datuk Dr. Amir Hussin Baharudin berkata, pujian oleh IMF terhadap kekukuhan ekonomi Malaysia itu dibuat berlandaskan fakta dan bersifat berkecuali daripada persepsi politik.

Katanya, IMF mempunyai kepakaran dalam menilai ekonomi dunia dan setiap kenyataan yang dikeluarkan oleh mereka merupakan satu pengiktirafan terhadap segala usaha yang telah dilakukan oleh sesebuah kerajaan.

"Kenapa mereka melihat Malaysia? Mungkin mereka tertarik dengan model ekonomi yang dilaksanakan untuk digunakan sebagai asas bagi membantu negara bermasalah lain, contohnya seperti Greece.

"Mereka lihat prestasi ekonomi Malaysia di kalangan negara membangun sangat luar biasa terutamanya di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak," katanya.

Amir berkata, sebelum ini juga, IMF juga telah mengiktiraf Malaysia sebagai antara negara paling mesra kredit kerana menawarkan pelbagai jenis kredit bantuan kepada rakyat.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : [http://www.utusan.com.my/utusan/Ekonomi/20130502/ek\\_02/Pengiktirafan-IMF-jadi-bukti-kejayaan-formula-Malaysia#ixzz2ZoGQ2znu](http://www.utusan.com.my/utusan/Ekonomi/20130502/ek_02/Pengiktirafan-IMF-jadi-bukti-kejayaan-formula-Malaysia#ixzz2ZoGQ2znu)